

03/03/1997

KUB dapat restu baru Perdana Menteri

KUB Malaysia Bhd (KUB Malaysia), syarikat bercirikan koperasi terbesar di negara ini yang bakal disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), April nanti mendapat restu baru dengan pelancaran nama dan logo barunya oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin.

Pelancaran itu juga mendekatkan lagi langkah syarikat itu yang sebelum ini dikenali Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Bhd untuk disenaraikan di Papan Utama BSKL.

Pengerusinya, Datuk Hassan Harun, berkata penukaran nama dan logo itu adalah satu lagi langkah baru dalam koperasi Melayu yang genap berumur 20 tahun pada 7 Julai nanti.

"Kami melihat KUB sebagai rakan untuk membangunkan negara, memenuhi aspirasi pemimpin negara dan rakyat sebagaimana yang tergambar melalui logo baru dan langkah pembesaran operasi," katanya di majlis pelancaran nama dan logo baru KUB, di Kuala Lumpur, kelmarin.

Jalan untuk meneroka pasaran lebih luas dengan menyenaraikannya di BSKL dimulakan sejak Oktober tahun lalu apabila Koperasi Usaha Bersatu mendapat lampu hijau untuk disenaraikan daripada Suruhanjaya Sekuriti (SC) melalui KUB Malaysia Berhad.

Proses itu menjadi nyata melalui suntikan aset dan hak Koperasi Usaha Bersatu bernilai RM688.5 juta termasuk 30 peratus kepentingan dalam United Malayan Banking Corporation Bhd (sekarang dikenali Sime Bank Bhd) sebagai pertukaran untuk saham baru KUB Malaysia Bhd.

KUB Malaysia Bhd akan menjadi syarikat Bumiputera tersenarai terbesar di BSKL.

Proses penyenaian tidak langsung itu adalah penyenaian pertama yang tidak dibuka untuk langganan awam, sebaliknya hanya ahli kepada bekas koperasi terbesar tajaan Umno itu dan pemegang saham KUB Malaysia Bhd sahaja yang layak membeli sahamnya.

Selepas proses penyuntikan asetnya, KUB Malaysia Bhd akan muncul sebagai kumpulan syarikat yang terbabit dalam pelbagai kegiatan termasuk kewangan, pembuatan dan pemasaran, perladangan, hotel dan pelancongan, pembalakan, hartanah dan pembinaan.

Hassan berkata, aspirasi pembangunan KUB Malaysia seterusnya akan menjurus kepada sektor ekonomi yang menunjukkan potensi pembangunan memuaskan seperti sektor pendidikan dan latihan, teknologi maklumat, gas dan petrokimia.

Mengenai nama barunya KUB Malaysia Bhd, Hassan berkata, nama itu kali pertama digunakan oleh Perdana Menteri di dalam suratnya memperkenalkan rombongan KUB kepada Presiden Madagascar ketika syarikat itu mengadakan lawatan ke sana September tahun lalu.

(END)